

# **KAJIAN TINJAUAN MENGENAI HADIS HADIS DHAIF DALAM KITAB "HIDAYATUL MUTA'ALLIM" YANG DIKARANG OLEH SHEIKH AHMAD BIN YUSUF AL-FATANI : BAB KELEBIHAN MEMBACA BASMALLAH – BAB KELEBIHAN ILMU**

Abdulloh Salaeh<sup>i</sup>, Syed Najihuddin Syed Hassan, Amran Abdul Halim, Mohd Zohdi Mohd Amin, Ahmad Kamel Mohamed, Nidzamuddin Bin Zakaria, Mohd Fauzi Mohd Amin, Norhasnira Binti Ibrahim

<sup>i</sup>(Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: [abdulloh@usim.edu.my](mailto:abdulloh@usim.edu.my)

## **ABSTRAK**

Kajian terkini telah dijalankan untuk meneliti keadaan hadis dalam kitab Jawi atau kitab kuning yang dikarang oleh para ulama di dunia Melayu. Sebahagian daripada kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hadis-hadis palsu dalam kitab-kitab tersebut. Oleh itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan beberapa hadis yang dianggap palsu dalam kitab Hidayatul Mutu'allim karya Haji Syeikh Ahmad bin Yusuf, melalui proses takhrij dan analisis. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deduktif dan induktif yang berasaskan sumber-sumber perpustakaan. Penilaian kebolehpercayaan hadis dilakukan melalui kaedah takhrij hadis dan ilmu hadis yang diterima oleh para ulama. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa hadis daif dalam kitab Hidayatul Mutu'allim. Walaupun hadis daif boleh diamalkan dalam fadhail a'mal, kadangkala, apabila terdapat beberapa hadis daif dalam topik yang sama, ia mungkin dianggap sebagai hadis hasan. Oleh itu, setiap ulama yang mengarang kitab akan merujuk kepada kitab-kitab yang diiktiraf untuk memastikan kesahihan hadis yang dimuatkan..

**Kata-kata kunci:** Hadis Dhaif', Syeikh Ahmad bin Yusof, Hidayatul Mutu'allim


## **PENDAHULUAN**

Pattani, pada zaman dahulu, dianggap sebagai tanah yang paling subur untuk perkembangan insan yang dipanggil ulama' (Hamdan Abd. Rahman, 2018). Ulama-ulama ini bukan sahaja menjadi rujukan masyarakat dalam hal ilmu, tetapi juga menjadi tempat untuk menyelesaikan masalah dan sebagai penawar bagi orang yang sakit, kerana mereka adalah yang paling dekat dengan Allah SWT sehingga doa-doanya didengari. Malah, hingga kini, ulama-ulama di Pattani masih wujud dan terus mengembangkan agama Allah SWT melalui pelbagai cara, sama ada melalui pengajaran atau penulisan kitab, supaya generasi akan datang dapat menganalisis dan mempelajarinya untuk menjadi individu yang beradab. Pada zaman dahulu, ada seorang ulama yang bernama al-Syeikh Faqih Ali al-Fatani diperintahkan oleh Raja untuk menulis buku "Tarikh Fathani" (Hamdan Abd. Rahman, 2018).

Pada masa kini, masih terdapat beberapa individu yang aktif menulis kitab-kitab khusus, seperti Tuan Guru Haji Ismail yang menghasilkan karya-karya seperti "Syarah Hikam Ibnu Ata'", "Maukifu al-Marjan", dan juga Haji Ahmad Bin Haji Yusof dengan kitabnya yang berjudul "Hidayatul".

## **SEJARAH HIDUP SYEIKH AHMAD BIN YUSUF KUBANG SALAM AL-FATHANI**

Syeikh Ahmad al-Fathani, yang lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Ahmad Mukmawi atau Baba Mad Tok Nahu, dilahirkan pada tahun 1957 Masehi di Kampung Mukmawi, daerah Yakrang, wilayah Pattani. Nama penuh beliau ialah Ahmad bin Haji Yusuf bin Abdul Latif Mukmawi al-Fathani. Beliau merupakan anak ketiga dalam kalangan adik-beradik. Beliau berkahwin pada usia 26 tahun dengan isterinya, Ruqaiyah binti Muhamad, yang berumur 16 tahun pada masa itu. Hasil perkahwinan tersebut.



Gambar No 1: Syeikh Ahmad Bin Yusuf

## **KELUARGANYA**

Syeikh Ahmad al-Fathani dikurniakan tujuh orang anak, terdiri daripada dua orang lelaki dan lima orang perempuan. Berikut adalah senarai anak-anak beliau:

1. Fatimah binti Ahmad
2. Zabidi bin Ahmad (telah meninggal dunia)
3. Aini binti Ahmad
4. Fakrurazi bin Ahmad (telah meninggal dunia)
5. Nadiayah binti Ahmad
6. Faridah binti Ahmad
7. Suhaila binti Ahmad (Ustaz Osman Pondok Posan, 2018).

## MENANTUNYA

Syeikh Ahmad al-Fathani mempunyai seorang menantu bernama Abdul Rahman Bangkok. Abdul Rahman adalah salah seorang murid Tuan Guru Haji Ahmad. (Ustaz Osman Pasan, 2019).

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Menurut Tuan Guru Haji Ahmad, beliau memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Kebangsaan Siam (โรงเรียนชั้นประถม) di kampung kelahirannya. Pendidikan agama beliau diterima daripada ayahnya sendiri, yang merupakan seorang ulama pada waktu itu. Beliau kemudian memperuntukkan masa selama 15 tahun untuk melanjutkan pelajarannya di pondok.

Tuan Guru Haji Ahmad pernah berguru dengan beberapa tokoh penting, termasuk Tuan Guru Abdul Rahman bin Abdullah, Almarhum Tuan Guru Haji Abdul Rahman Pondok Tebing Tinggi, Almarhum Tuan Guru Haji Idris Tokjung, dan ramai lagi. Beliau dikenali sebagai seorang murid yang cemerlang dan bijak, serta sangat disayangi oleh para gurunya.

Oleh kerana kefahaman dan keilmuan beliau yang mendalam, beliau menerima gelaran ‘Tok Nahu’ (توء النحو) sebagai pengiktirafan kepada kemahiran dan pengetahuan beliau dalam ilmu nahu. (Abdulloh Salaeh, 2019).

## KARYA-KARYA PENULISAN

Selain daripada pengajaran, beliau juga menghasilkan dua buah kitab dalam tulisan Jawi, iaitu:

1. Hidayatul Mutaa'lim
2. Taudihu al-Aqaid fi Ilmi Tauhid.

## KEWAFATAN PENGARANG

Beliau meninggal dunia ketika berusia 63 tahun dan dimakamkan di Makmawi, Patani.

## LATAR BELAKANG KITAB

Hidayatul Mutaa'lim adalah sebuah kitab yang ditulis dalam huruf Jawi dan dihasilkan pada abad ke-21 Masihi. Kitab ini merupakan salah satu karya penting oleh tokoh ulama Melayu, khususnya dari Pattani dan Kampung Mukmawi, Selatan Thailand. Ditulis oleh Tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf, kitab ini membincangkan aspek adab pengajaran dan pembelajaran. Judul lengkap kitab ini adalah *Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*.


Isi kandungan kitab ini memfokuskan kepada cara-cara menuntut ilmu serta kelebihannya. ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan telah dikumpulkan dan dirujuk daripada beberapa kitab ulama terkenal, dengan penjelasan dan pandangan penulis turut disertakan dalam kitab ini.

Menurut penulisan pada bahagian akhir kitab, penulisan kitab ini dimulakan pada 10 Muharram tahun 1431 Hijrah dan diselesaikan pada hari Isnin, 19 Jamadil Awal tahun 1431 Hijrah, pada pukul 2.00 petang waktu Zohor. Walaupun penulis sibuk dengan pelbagai urusan, kitab ini berjaya disempurnakan (Ahmad bin Yusuf, 2014, hlm. 170).


Kitab ini dicetak oleh Syarikat Percetakan Matbaah bin Halabi-Fathani yang terletak di Pattani, kira-kira 20 km dari rumah Tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf. Walau bagaimanapun, tiada maklumat mengenai tahun cetakannya secara spesifik, tetapi ia dipercayai dicetak pada tahun 2015 Masi. Kitab ini mempunyai ketebalan 183 halaman dan berukuran 26.2 cm × 18.4 cm. Pada kulit depan dan muka surat sebelum mukadimah, terdapat doa yang tertulis seperti berikut:

غَفَرَ اللَّهُ تَعَالَى ذَنْبِهِ وَسْتَرَ عِبَوَبَهُ وَكَشَفَ كُرُوبَهُ وَفَعَلَ كُذُلَكَ بِأَصْوَلِهِ وَفَرَوْعَهِ وَحُواشِيهِ  
وَأَحْبَابِهِ وَكُلَّ مَنْ لَهُ حُقُّ عَلَيْهِ وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمَوْعِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ... يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**Tulisan ini di cover dan muka surat sebelum mukadimah**



Gambar No 2: Cover bagi Kitab Hidayatul Mutaa'lim

	
Gambar No 2 : Tertulis Doa di Cover	Gambar No 3 : mukadimah bagi Kitab <i>Hidayatul Mutaa'lim</i>

## PENTASHIH KITAB

Pentashih kitab merujuk kepada proses semakan dan pengesahan terhadap teks-teks kitab, terutama dalam konteks kitab-kitab agama atau ilmiah. Proses ini melibatkan pemeriksaan ketepatan dan kesahihan teks, termasuk memastikan bahawa tiada kesilapan penulisan, rujukan yang tidak tepat, atau kandungan yang tidak konsisten dengan sumber asal. Pentashih kitab biasanya dilakukan oleh seorang pakar atau ulama yang memiliki pengetahuan mendalam dalam bidang yang berkaitan. Kitab ini telah ditashih oleh beberapa ulama besar di Pattani seperti berikut:

1. Tuan Guru Haji Abdullah Sarah, Pondok Bedam Badang (guru kepada Tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf).
2. Tuan Guru Haji Ahmad (terkenal dengan nama Baba Mad, Pondok Mukmawi, Pattani).
3. Tuan Guru Haji Ahmad bin Abdulrahman Aamanu (Pondok Tasik, Yala).
4. Tuan Guru Haji Zakariya bin Ahmad (Pondok Posan, Pattani).
5. Tuan Guru Haji Abdulaziz (Pondok Padang Pusu).
6. Tuan Guru Haji Abdulrahman (Pondok Nipis Kulit, Pattani).
7. Tuan Guru Haji Abdulwahab (Pondok Cili), (Lihat Muka Surat ۹ - ﻭ - ﻙ)

## PENYUSUNAN KITAB

Kitab *Hidayatul Mutaa'lim* akan dianalisis berdasarkan empat bahagian utama, iaitu:

1. Pendahuluan - Memperkenalkan latar belakang dan tujuan penulisan kitab.
2. Isi - Mengupas kandungan utama serta perbincangan tentang tema dan topik yang dibahas dalam kitab.

3. Penutup - Menyimpulkan analisis dan memberikan ulasan akhir mengenai keseluruhan kitab.
4. Tashih - Menyertakan proses semakan dan pengesahan oleh ulama-ulama terkemuka di Pattani.
5. Kata-Kata Aluan - Mengandungi ucapan penghargaan dan pengenalan oleh para ulama pakar dari Pattani.

## **CONTOH ISI KANDUNGAN**

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Peringatan	1
2.	Khutbah kitab dan kelebihan mereka yang membaca bismila ketika hendak jimak.	5
3.	Awal-awal mereka yang menyurat ia dengan qalam dan kelebihannya.	5
4.	Nama orang yang mengarang kitab ini dan masa mula dimulai mengarang	7
5.	Farak diantara risalah dan muktasar dan kitab pada kata nakal...	8
6.	Berkata Qadi Abu Tayib	10
7.	Nasihat wahai saudara-saudara aku handaklah kamu bersungguh.	11
8.	Berkata setengah ulama  أَعْرِفُ الرَّجُلَ بِالْحَقِّ أَخْ.	11
9.	Janganlah berkata mengaji ilmu usulluddin tiada faedah	12
10.	Fasa pada menyatakan kelebihan ilmu dan ulama dan orang yang menututi ilmu...	15
11.	Hadis di akhir zaman manusia lari daripada ulama	22
12.	Yang fasiq dan menuntut ilmu kerana dunia	24
13.	Murad dengan ulama itu ulama I'sud	25
14.	Kelebihan ulama dan orang yang menuntut ilmu dan lain	36

## **CONTOH HADIS HADIS DHAIF**

**(Hadis 1)**

العِلْمُ حَيَاةُ الْإِسْلَامِ وَعَمَادُ الْإِيمَانِ، وَمَنْ عَلِمَ عِلْمًا أَتَمَ اللَّهُ لَهُ أَجْرًا وَمَنْ تَعَلَّمَ فَعَمِلَ عَلَمَهُ اللَّهُ مَا لَمْ يَعْلَمْ  
 (هداية المتعلم وعمدة المعلم ، ص 11)

Bilangan	Kitab	Pengarang	Number hadis	Bab	Juzuk	Muka surat	Hokum hadis	Sebab Hadis Dikatakan Daif
1.	At-Taysir Bi Syarah Al-Jami' As-Saghir  (التيسير بشرح الجامع الصغير)	<b>Zainuddin Abdul Ra'uf Al-Manawi.</b>	-	Huruf al in	2	303	Daif	Hadis yang diriwayatkan oleh Abu al-Sheikh daripada Ibnu Abbas dengan sanad yang lemah
2.	Faydh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir"  (فيض القدير شرح الجامع الصغير )	<b>Abdul Ra'uf Al-Manawi</b>  عبد الرؤوف المناوي	5711	-	4	388	Daif	-
3.	Al-Madawi li-'Ilal al-Jami'	Ahmad bin Muhammad bin al-	2345	-	4	523	Daif	perawi hadis berlaku perubahan (tasarruf)

	al-Saghir wa Syarhi al- Manawi" المداوي ( ) لعل الجامع الصغرى وشرحى (المناوي)	Siddiq bin Ahmad  أحمد بن محمد بن الصديق بن أحمد،						dalam matan (teks) atau lafaz hadis
--	--	--	--	--	--	--	--	---

Dalam hadis (1) ini tiga ulama, iaitu Zainuddin Abdul Ra'uf Al-Manawi, Abdul Ra'uf Al-Manawi, Ahmad bin Muhammad bin al-Siddiq bin Ahmad, telah mengkategorikan hadis ini sebagai daif disebabkan oleh kelemahan dalam sanad serta terdapat perubahan dalam matan hadis tersebut.

### (Hadis 2)

وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعَمَلِ مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ،

(ص 16)

Bilangan	Kitab	Pengarang	Number hadis	Bab	Juzuk	Muka surat	Hokum hadis	Sebab Hadis Dikatakan Daif
1.	Al-Kamil fi al-Du‘afa الكامل في الضعفاء	Imam abdullah Ibn Adi	-	-	-	-	-	Lemahnya sanad, beberapa perawi tidak terpercaya
2.	Sharh Sahih al-Bukhari	Shamsuddin al-Safiri شمس الدين السفيري	-	-	12	30	-	-

	شرح صحيح البخاري							
--	------------------------	--	--	--	--	--	--	--

Terdapat dalam hadis (2) ini dua ulama', iaitu Imam Abdullah Ibn Adi, Shamsuddin al-Safiri, telah mengkategorikan hadis ini sebagai daif disebabkan oleh lemahnya sanad, beberapa perawi tidak thiqah.

### Hadis 3)

**نوم العالم أفضل من عبادة الجاهل**

**(ص 20)**

Bilangan	Kitab	Pengarang	Number hadis	Bab	Juzuk	Muka surat	Hokum hadis	Sebab Hadis Dikatakan Daif
1.	Tanqih al-Qawl al-Hathith fi Syarh Lubab al-Hadith  (تنقیح القول الحثیث فی شرح لباب الحديث)	Al-Allamah Sheikh Muhammad bin Umar al-Nawawi al-Bantani  (الشیخ محمد بن عمر النووی البنتی)	-	-	1	20	-	-
2.	Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth fī Sharḥ	Syaikh Muhammad bin Umar al-Nawawi al-Bantani	-	-	1	2	Daif	-

	Lubāb al- Hadīth تفقیح القول الحادیث فی شرح لباب الحادیث	( الشیخ محمد بن عمر النوری البنتی )						
--	--	--	--	--	--	--	--	--

Terdapat dalam hadis (3) ini, terdapat dua ulama, iaitu Al-Allamah Sheikh Muhammad bin Umar al-Nawawi al-Bantani dan Syaikh Muhammad bin Umar al-Nawawi al-Bantani, yang telah mengkategorikan hadis ini sebagai daif. Namun, sebab kelemahan (daif) tersebut tidak dijelaskan.

#### ( hadis 4 )

علماء أمّتِي كَاتِبِيَّةُ بَنِي إِسْرَائِيلَ ( ص 20 )

Bilangan	Kitab	Pengarang	Number hadis	Bab	Juzuk	Muka surat	Hokum hadis	Sebab Hadis Dikatakan Daif
1.	Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Albas 'Amma Isytahara min al-Ahadith 'Ala Alsina al-Nas	al-'Ajluni, Isma'il bin Muhammad al-Jarahi  الجلوني، إسماعيل بن محمد الجراحي	-		2	64	La Asla Lahu لا أصل له  السيوطى، السخاوي	Ma'nanya sahih tetapi belum terbukti

	كشف الخفاء ومزيل الالباس عما اشتهر من الاحاديث على ألسنة الناس							
2.	Asnā al-Maṭālib fī Ahādīth Mukhtalifat al-Marātib  أسنی : المطالب في أحاديث مختلفة المراتب	Al-Hūt, Muhammad ibn Darwīsh ibn Muhammad	889		1	184	dhaif	Lā aṣl lahu
3.	at-Takhrij as-Saghir wa at-Tahbiir al-Kabiir  التخريج الصغير والتحبير الكبير	Yūsuf ibn Hasan ibn Ahmad ibn Hasan ibn 'Abd al-Hādī as-Sālihī  يوسف بن حسن بن أحمد بن حسن ابن عبد الهادي الصالحي	608	-	3	119	-	Lā aṣl lahu

Dalam hadis (4) ini, terdapat dua ulama, iaitu al-'Ajluni, Isma'il bin Muhammad al-Jarahi, dan Al-Hūt, Muhammad ibn Darwīsh ibn Muhammad, Yūsuf ibn Hasan ibn Ahmad ibn Hasan ibn 'Abd al-Hādī as-Sālihī, yang telah mengkategorikan hadis ini sebagai daif. Sebab kelemahan (daif) hadis ini adalah "La Asla Lahu" (tiada asal usulnya), walaupun maknanya dianggap sahih tetapi belum terbukti.

### (Hadis 5)

من علم حرف فهو مولاك (ص 20)

Bilangan	Kitab	Pengarang	Number hadis	Bab	Juzuk	Muka surat	Hokum hadis	Sebab Hadis Dikatakan Daif
1.	Al-Maqasid al-Hasanah المقاصد الحسنة	Al-Sakhawi السخاوي	-	-	-	116	Daif	-
2.	Tazkirat al-Mawdu'at تنكرة الموضوعات	Al-Fatani الفتني	-	-	-	-	Mawdū	-

Analisa hadis ini menunjukkan bahawa terdapat dua ulama, iaitu Al-Sakhawi dan Al-Fatani, yang telah mengkategorikan hadis ini sebagai daif dan mawdu‘(palsu). Namun begitu, sebab-sebab kelemahan (daif) hadis ini tidak dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

### (Hadis 6)

النظر إلى وجه العالم عبادة (ص 21)

Bilangan	Kitab	Pengarang	Number hadis	Bab	Juzu k	Muka surat	Hokum hadis	Sebab Hadis Dikatakan Daif

1.	Al-Fawā'id Al-Mujamma'a h Fī Al-Aḥādīth Al-Mawdū'ah  الفوائد المجموعة في الأحاديث الموضوعة	Muhammad ibn 'Alī ibn Muhammad ash-Shawkānī  محمد بن علي بن محمد الشوکانی	52	-	1	287	Marfū'a مرفوعا	
2.	al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahira h 'alā al- alsinah  المقاصد الحسنة في بيان كثير من الأحاديث المشتهرة على الألسنة	as-Sakhāwī, 'Abd ar-Rahmān  الساخاوي عبد الرحمن	-	-	1	696	Tiada sah لا يصح	-
3.	Kashf al-Khafā' wa Muẓīl al-Labbās 'ammā Ishtahara min al-Aḥādīth 'alā Alsinat an-Nās  كشف الخفاء ومزيل	al-'Ajalūnī, Ismā'il ibn Muhammad al-Jurāḥī  العجلوني، إسما عيل بن محمد الجراحي	2811	-	3	18	Marfū'a مرفوعا	-

اللباس عما اشتهر من الاحاديث على السنة الناس							
--	--	--	--	--	--	--	--

Hadis di atas dianggap tidak sahih dan dikategorikan sebagai hadis daif serta marfu‘, atau tidak mempunyai asal usul yang kukuh. Ulama yang mengkategorikan hadis ini adalah Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad ash-Shawkānī, as-Sakhawī, ‘Abd ar-Rahmān, al-‘Ajalūnī, dan Ismā‘il ibn Muḥammad al-Jurāḥī. Walau bagaimanapun, sebab-sebab kedhaifan hadis ini tidak dijelaskan secara terperinci.

## KESIMPULAN

Setelah penulis melakukan analisis dan pembahasan, penulis menyimpulkan bahawa pada masa kini, sumbangan tokoh-tokoh terdahulu semakin kurang dikaji dan dianalisis, sama ada dari segi sejarah hidup mereka atau sumbangan yang mereka berikan. Dalam buku ini, pembelajaran tafsir Surah Yasin mengekalkan gaya penulisan klasik lama, seperti penggunaan perkataan (سموت) yang dibaca sebagai "semut" atau "seremut," serta kata-kata klasik lain. Ulama mengekalkan penulisan jawi klasik ini kerana ia mengandungi makna yang tersirat di dalamnya.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran juga perlu disesuaikan dengan keadaan masyarakat untuk memastikan pemahaman yang lebih baik. Tokoh ini memiliki karya penulisan sendiri, antaranya kitab *Hidayatul Muta’lim wa Umdatul Mu’allim*. Dalam kitab ini, terdapat pelbagai kategori hadith seperti hadith dhaif, marfu‘, hadith yang tidak sahih, mawdū‘, dan hadith sahih. Hadith dhaif yang tidak terdapat dalam Kutub al-Sittah akan dinilai sebagai dhaif dalam kitab yang dikarang oleh al-‘Ajalūnī, Ismā‘il, Syaikh Muhammed bin Umar al-Nawawi al-Bantani, Abdurauf al-Manawi, dan lain-lain.

Selepas analisis buku ini, diharapkan ia dapat memberikan penjelasan yang lebih mendalam kepada para akademik yang berminat untuk meneruskan kajian. Walaupun hadith dhaif boleh diamalkan dalam fadhill a'mal yang tidak berkaitan dengan akidah dan hukum ahkam, (Mahmoud al-Tahhan, 1428) kajian lebih lanjut tetap diperlukan.

## RUJUKAN

Al-'Ajluni, Isma'il Bin Muhammad Al-Jarahi, Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Albas 'Amma Isytahara min al-Ahadith 'Ala Alsinah al-Nas Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Albas 'Amma Isytahara min al-Ahadith 'Ala Alsinah al-Nas, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Al-Ḥūt, Muḥammad ibn Darwīsh ibn Muḥammad, Asnā al-Maṭālib fī Ahādīth Mukhtalifāt al-Marātib, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Mahmoud al-Tahhan, 1428. Fath al-Mughith fi al-Ta'liq 'ala Tayseer Mustalah al-Hadith, t.c.

Syaikh Muhammad bin Umar al-Nawawi al-Bantani, Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth fī Sharḥ Lubāb al-Ḥadīth.

Yūsuf ibn Ḥasan ibn Aḥmad ibn Ḥasan ibn 'Abd al-Hādī, 2011. at-Takhrij as-Saghir wa at-Tahbiir al-Kabiir, Dar al-Nawadir, Suria

Abdulloh Salaeh, 2019, Method Pengajaran Tafsir: Kitab Hidayatul Mutaa'lim Bagi Syeikh Haji Ahmad Bin Haji Yusof Al-Fatoni, Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019).

Ahmad bin Muhamad 1323h, Irsyad Al – Sari Lisyarhi Sahih Al Bukhari, Al Matbaah Al Kubra Alamiriah, Mesir.

Haji Ahmad bin Yusuf. t.t, Kitab Hidayatul Mutaa'lim , Pattani: Matba'ah bin Halabi Fatani.

Temu bual bersama Ustaz Osman Pasan di Pondok posan, pada 3 Ogos 2019 pada jam 6.35-7.45 petang).

Temu bual dengan Syeikh Haji Ahmad bin Yusuf di Pondok Kubang Salam Mukmawi, hari Khamis 20/2/2015, jam 5:00-6:00 petang.

Temubual melalui telefon dengan Ustaz Osman Pondok Posan, hari Khamis 28/6/2018, jam 3:40 petang.